



IOHAMAD Azhar (tiga dari kiri) menunjukkan rampasan pelbagai komoditi pada sidang media di Ibu Pejabat Kastam Pulau Indah, Pelabuhan Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Kastam Selangor rekod rampasan RM209,167,691 sejak Januari

Pelabuhan Klang: Sebanyak 539 kes dengan nilai rampasan RM209,167,691.93 termasuk cukai dan duti sejaya ditumpaskan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Selangor bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos lalu.

Pengarah Kastam Selangor, Mohamad Azhar, Ahmad Paharazi berkata, antara barangan komoditi rampas adalah minuman keras, tembakau, mercun, dadah, skrap, besi, barangan elektrik dan daging ejuk beku.

"Dari segi perincian, peningkatan yang dilakukan anak-anak, kes membabitkan minuman keras paling banyak dengan jumlah 57 kes dan nilai rampasan RM6,781,682.28 dan cukai RM28,811,225.88 manakala okok pula sebanyak 39 kes dengan nilai rampasan

RM3,230,591.84 dan cukai RM26,328,388.50.

"Siasatan mendapati (permintaan bagi) minuman keras biasanya untuk perayaan, majlis-majlis utama, jadi permintaan cukup tinggi, itu menyebabkan ramai cuba bawa masuk secara (haram) sebuah kendak mengelakkan cukai, duti yang tinggi untuk komoditi ini.

"Bagi kesemua 539 kes berkenaan pula, masih ada dalam siasatan lagi sebab kita masih perlu dapatkan maklumat kes yang disiasat dari Jabatan Kimia Malaysia dan lain-lain jabatan, agensi yang berkaitan," katanya dalam sidang media di Wisma JKDM Selangor, Pulau Indah, di sini, semalam.

Menurutnya, antara kejayaan terkini JKDM Selangor adalah menumpas-

kan aktiviti penyeludupan barangan larangan dengan anggaran nilai RM6,053,688 termasuk cukai dan duti yang membabitkan komoditi mangkut tandas dan sinki, daging sejuk beku, minuman keras, telefon pintar serta bijih timah.

"Pada 15 Julai dan 1 Ogos lalu, JKDM Selangor menahan dua kontena di kawasan Zon Bebas Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang dan menemuiput 54 unit mangkut tandas dan 1,600 unit sinki yang dipercayai diimport tanpa sijil kelulusan.

"Jumlah nilai rampasan dianggarkan bernilai RM852,400 manakala duti dan cukai sebanyak

RM319,650," katanya.

Beliau berkata, pada 23 Julai dan 11 Ogos lalu, tiga kontena masing-masing dua kontena di Jalan Telok Gong, Pelabuhan Klang dan satu kontena di Zon Bebas Pelabuhan Utara ditahan dengan rampasan sejuk beku dadah ayam

"Kes membabitkan minuman keras paling banyak dengan jumlah 57 kes Mohamad Azhar"

sejuk beku dan itik sejuk beku yang dipercayai diimport tanpa permit.

"Rampasan ayam sejuk beku adalah sebanyak 51,552 kilogram (kg) dengan anggaran nilai RM1,524,663 termasuk duti dan cukai manakala itik sejuk beku sebanyak 24,200 kg dengan anggaran nilai rampasan RM406,164.

"Sindiket cuba mengabu-

ri pihak berkuasa dengan mengikrarkannya sebagai sayur campuran dan kentang goreng sejuk beku.

"Pada 11 Julai pula, JKDM Selangor merampas 4,462.50 liter minuman keras pelbagai jenis dan 360 unit telefon pintar dipercayai tidak mempunyai permit import dengan nilai dagangan minuman keras pelbagai jenis dianggarkan berjumlah RM122,171 termasuk duti dan cukai manakala telefon pintar pula dianggarkan berjumlah RM203,490 termasuk duti dan cukai," katanya.

Beliau berkata, ketiga-tiga kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967 kerana mengimport barang larangan tanpa permit yang sah dan Seksyen 133 (1)(a) Akta Kastam 1967 kerana mem-

buat pengikraran tidak benar.

"Kes turut disiasat mengikut Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 133 (1)(a) Akta Kastam 1967," katanya.

Menurutnya, pada 10 Ogos lalu, Bahagian Penguatkuasaan JKDM Selangor menyita 16 pallet di sebuah gudang klang di Pulau Indah, Pelabuhan Klang dan mendapati guni yang berada di atas pallet itu mengandungi bijih timah.

"Pengurus operasi gudang mengemukakan Borang Kastam yang disyaki palsu.

"Jumlah bijih timah yang dirampas adalah sebanyak 370 guni dengan anggaran nilai RM2,625,150 dan kes disiasat mengikut Seksyen 133 (1)(c) Akta Kastam 1967," katanya.